



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Mohon Perbadanan Putrajaya.... Tidak Mengikut Jadual' yang disiarkan melalui segmen Negara, Kosmo pada 21 April 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan melaporkan masalah ini. Dimaklumkan bahawa PPj sentiasa memantau jadual perjalanan bas di Putrajaya. Malah, untuk memastikan jadual perjalanan ini sentiasa dipatuhi, pihak pengurusan bas NadiPutra telah menempatkan pegawai di Presint 17 untuk menyemak dan memastikan pergerakan bas-bas NadiPutra dipatuhi. Di samping itu, PPj kini sedang melaksanakan projek *Advance Public Transportation System* termasuk pemasangan peralatan GPS bagi mengawal selia pematuhan jadual. Apabila ia beroperasi nanti, segala pergerakan bas akan dapat dikawal dari Pusat Kawalan dan keberangkatan untuk bas tidak mematuhi jadual akan dapat dikurangkan.

Walau bagaimanapun, kemungkinan untuk bas tidak mematuhi jadual akan tetap berlaku bilamana bas-bas ini tersangkut di dalam kesesakan lalulintas yang kian meruncing di Putrajaya akhir-akhir ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 23 April 2010

Akhbar : Kosmo  
Segmen : Negara  
M/s : 16  
Tarikh : 21 April 2010

■ **MOHON** Perbadanan Putrajaya dan pengurusan syarikat bas Nadi Putra pantau perjalanan bas 701 pada pukul 8 pagi kerana kerap kali tidak mengikut jadual.  
• **PENUMPANGSAKIT HATI**